

19/10/1997

1.2 juta pokok ditanam

NIBONG TEBAL: Kerajaan negeri berhasrat melaksanakan projek penanaman sebanyak 1.2 juta pokok menjelang 2000 selaras hasrat diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan sebanyak 20 juta pokok di tanam di seluruh negara dalam tempoh berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata bagi mencapai sasaran itu kerajaan negeri perlu menanam sebanyak 5,000 pokok setiap tahun mulai sekarang membabitkan kawasan tepi jalan, sungai dan kawasan bandar.

Beliau berkata, walaupun Pulau Pinang mempunyai keluasan hutan simpan kekal seluas 6,406 hektar atau enam peratus daripada keluasan tanah negeri, masih wujud 60 peratus kawasan lapang.

"Bagaimanapun, kawasan terbabit semakin berkurangan disebabkan ledakan pembangunan, termasuk industri dan perumahan," katanya merasmikan sambutan Hari Perhutanan Sedunia peringkat negeri di Sekolah Kebangsaan Agama, Nibong Tebal, di sini, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Abdul Rashid Abdullah, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Zainudin Mohd Ariff dan yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Daud Taha.

Shariff berkata, kerajaan negeri prihatin dan menyedari kepentingan untuk menggalakkan pelbagai pihak menanam pokok di kawasan bandar bagi menghijaukan kawasan yang dibangunkan.

Katanya, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan MPSP akan ditugaskan meningkatkan program penanaman pokok dan melaksanakan program landskap kawasan bandar.

Di samping itu, katanya, pemaju perumahan dan pihak pengurusan kilang di negeri ini perlu memberi tumpuan kepada program penanaman pokok di kawasan persekitaran untuk mengindahkan kawasan.

Sementara itu, beliau berkata bagi memastikan kawasan hutan negeri ini diurus dengan sempurna, kerajaan negeri bersetuju menerima pakai kriteria dan petunjuk yang digubal Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa kerana ia mempunyai garis panduan untuk melaksanakan kegiatan yang menjurus kepada pengurusan hutan secara berkekalan menjelang tahun 2000.

Katanya, desakan pertambahan penduduk dan ledakan pembangunan yang berlaku di negeri ini tidak harus menjadi sebab kepada pemusnahan alam sekitar jika semua pihak memastikan proses pembangunan yang dilaksanakan seiring dengan polisi dan dasar mengenai alam sekitar.

(END)